

Cagamas terbit IMTN bernilai RM1 billion

KUALA LUMPUR - Cagamas Bhd. (Cagamas), mengumumkan terbitan Nota Tempoh Sederhana Islamik (IMTN) Cagamas bernilai RM1 bilion untuk tempoh tiga tahun yang juga merupakan pembukaan semula sukuk dwitransye pertama di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong berkata, hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan sebagai dana pembelian pembiayaan kediaman Islam daripada sistem kewangan negara.

“Sungguhpun baru ditawarkan kurang daripada sehari, buku tempahan menerima maklum balas yang memberangsangkan, seterusnya membolehkan kami untuk mengukuhkan hasil ke 3.98 peratus dan mempertingkatkan terbitan daripada saiz asal sebanyak RM800 juta kepada RM1 bilion.

“Ini menggambarkan keteguhan dan daya tahan pasaran domestik,” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Chee Leong berkata, kejayaan penyelesaian pembukaan dwitransye itu juga menunjukkan inovasi berterusan Cagamas dalam pasaran pendapatan tetap domestik dan inisiatif strategik dalam menggalakkan kecairan sekunder.